

24 MAY 1999

NEGARA: KELAB SENATOR UCAP TAHNIAH KEPADA KHALIL DAN PANDIKAR AMIN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Kelab Senator mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Khalil Yaakob dan Datuk Pandikar Amin Mulia yang telah dilantik sebagai senator pada acara khas di Dewan Negara hari ini.

Presidennya Senator Datuk Mohd Zuki Kamaluddin berkata Khalil mempunyai rekod baik dalam menyatukan rakyat berbilang kaum dan mengekalkan kestabilan politik di Pahang sejak beliau menjadi Menteri Besar pada 1986.

"Khalil juga telah berjaya menukar negeri Pahang daripada sebuah negeri yang bergantung kepada hasil pertanian kepada negeri yang berkembang pesat dalam perindustrian," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 di Dewan Negara di sini hari ini.

Beliau berkata Pandikar Amin yang juga Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah, adalah seorang yang berpengalaman dan pernah memegang jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah.

Kelab Senator juga mengucapkan tahniah kepada Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Azmi Khalid dan Datuk Mohd Shafie Apdal yang telah dilantik untuk memegang jawatan baru seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lepas.

Abdul Kadir dilantik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Azmi sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri manakala Shafie sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

-- BERNAMA

NY NMO